



2 Januari 2025
Kenyataan Media

Untuk siaran segera

PENJELASAN LANJUT BERHUBUNG OPS GEMPUR JPJ DI CAWANGAN PUSPAKOM

Shah Alam, 2 Januari 2025 – PUSPAKOM mengambil maklum terhadap segala usaha yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (“JPJ”) dan menyokong penuh usaha-usaha ini dan bertekad untuk terus bekerjasama dalam memastikan keselamatan jalan raya terjamin.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman menegaskan sekali lagi bahawa PUSPAKOM bersedia untuk bekerjasama dengan JPJ dan KPDN dalam membanteras dalam isu ini.

“Kerjasama antara PUSPAKOM dan JPJ dalam Ops Gempur akan mengukuhkan usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya dan memelihara integriti sistem pengangkutan negara. PUSPAKOM sentiasa komited dalam memastikan semua kenderaan yang diperiksa memenuhi syarat keselamatan yang ditetapkan.” ujar Mahmood.

PUSPAKOM juga menyambut baik kerjasama JPJ dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (“KPDN”) dalam memeriksa dan memantau bengkel-bengkel berdaftar serta bengkel yang tidak berlesen yang disyaki terlibat dalam isu sewa komponen kenderaan perdagangan. PUSPAKOM akan akur kepada apa-apa arahan baharu yang akan dikeluarkan selaras usaha menangani tabiat yang tidak bertanggungjawab oleh pemilik kenderaan perdagangan.



Pembetulan Fakta

PUSPAKOM membetulkan beberapa maklumat tidak tepat yang dilaporkan oleh media.

Hanya dua orang kakitangan PUSPAKOM dari cawangan Wangsa Maju yang memberi keterangan selepas Ops Gempur, dan bukannya tiga orang seperti yang telah dilaporkan oleh beberapa media. Seorang pengurus wilayah PUSPAKOM turut hadir untuk menemani mereka, namun tidak terlibat dalam memberi keterangan kepada JPJ.

PUSPAKOM juga membetulkan laporan tentang jumlah kenderaan yang ditahan JPJ dalam operasi tersebut. Secara keseluruhannya, hanya satu kenderaan sahaja yang disita di cawangan Wangsa Maju, dan bukan tujuh seperti yang dilaporkan, sementara 104 kenderaan yang disita di Perak sebenarnya berada di luar kawasan PUSPAKOM dan belum lagi diperiksa.

Setakat ini, PUSPAKOM tidak menerima apa-apa saman daripada JPJ sepanjang Ops Gempur yang masuk ke hari ke-3 hari ini. 43 cawangan telah diserbu pada 30 Disember 2024, 42 cawangan pada 31 Disember 2024 manakala setakat 2.00 petang hari ini, 2 cawangan diperiksa iaitu Glenmarie dan Seremban.

PUSPAKOM sebagai pemegang lesen pemeriksaan kenderaan pertama di Malaysia sentiasa bekerjasama rapat dengan JPJ yang memantau operasi pemeriksaan PUSPAKOM setiap tahun sama ada melalui pemeriksaan secara berjadual dan juga secara mengejut. Operasi-operasi ini dilaksanakan dengan intensif untuk memastikan pemeriksaan oleh PUSPAKOM sentiasa menepati piawaian yang ditetapkan oleh kerajaan.



PUSPAKOM sentiasa terbuka terhadap maklum balas dari semua pihak dan terus menjalankan siasatan dalaman untuk memastikan integriti dan ketelusan dalam setiap pemeriksaan yang dilakukan.

Laporan siasatan

Berkenaan dengan isu kenderaan berjenama Foton yang terlibat dalam kejadian tayar tertanggal, PUSPAKOM telah memuktamadkan laporan siasatan berkaitan dan menyerahkan hasil pemeriksaan kepada Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia ("MIROS") hari ini untuk tindakan susulan. Laporan hanya merangkumi pemeriksaan kenderaan tersebut dan tayar yang tertanggal itu tidak dapat diperiksa kerana PUSPAKOM tidak menerima tayar tersebut.

PUSPAKOM terus komited untuk meningkatkan integriti dalam sistem pemeriksaan kenderaan di Malaysia demi keselamatan semua di atas jalan raya, dan akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk memastikan usaha-usaha pemantauan dan penguatkuasaan ini dapat diteruskan dengan lebih berkesan.

#AKHIR#